

Headline	Aplikasikan budaya Hybrid KIK		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Apr 2014	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	525 cm <sup>2</sup>
Journalist	FENNY SILONG	AdValue	RM 1,193
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,579



# Aplikasikan budaya Hybrid KIK

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN, Jumaat — Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) harus mengambil peluang dalam melaksanakan budaya Hybrid Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) berikutan mempunyai kepakaran menerusi bidang berkaitan.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani berkata, IPTA mempunyai pelbagai kepakaran sama ada pengurusan dan teknikal yang dilihat mampu diaplikasikan dalam Hybrid KIK.

"Hybrid KIK merupakan satu pendekatan yang melibatkan jalinan kerjasama dua jabatan berbeza dalam menyelesaikan masalah kurang relevan. Dengan itu, kerenah birokrasi serta proses kerja yang rumit sesama jabatan dapat dimansuhkan atau dipercepatkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penangguhan dan Penyampaian Hadiah KIK Peringkat IPTA Ke-10 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, malam tadi.

Morshidi menambah, Hybrid KIK bukan sahaja menguntungkan jabatan malah rakyat sebagai pelanggan yang turut menikmati hasilnya.

"Pembentukan kumpulan KIK juga adalah satu pendekatan terbaik dalam meningkatkan kerjasama dalam kalangan warga organisasi kerana penglibatan penjawat awam tidak tertakluk kepada satu perkhidmatan sahaja. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi khususnya sektor awam.

"Idea-idea baharu yang dipersembahkan semasa konvensyen dalam usaha memastikan peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan IPTA secara keseluruhannya," jelasnya.

Oleh itu, beliau berharap semua ketua jabatan dapat memastikan dan memantau pembentukan lebih banyak kumpulan KIK baharu dalam menyumbang idea pada konvensyen yang seterusnya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Profesor Dr Morshidi Sirat

berkata, Konvensyen KIK IPTA adalah acara tahunan yang diuruskan di bawah agenda Majlis Mesyuarat Pendaftar-pendaftar IPTA.

"Pada konvensyen kali ini, sebanyak 15 IPTA bertanding dengan jumlah keseluruhan 36 pasukan. Daripada jumlah itu, 22 pasukan bertanding dalam kategori pengurusan manakala 14 lagi dalam kategori teknikal. Kita melihat situasi ini sebagai satu perkembangan yang menarik apabila berupaya menjadi satu platform bagi mengumpulkan idea kreatif dan inovatif semua peringkat kakitangan IPTA.

"Sebelum ini, hanya dua kumpulan KIK yang dibenarkan bertanding mewakili universiti masing-masing namun kali ini kita membenarkan empat kumpulan bertanding untuk sebuah universiti," tambahnya.

Katanya lagi, penganjuran konvensyen sebegini membuktikan bahawa KIK mula dibudayakan dengan intensif IPTA berkenaan.

Dalam pada itu, Juara Keseluruhan Konvensyen IPTA Ke-10 dimenangi oleh Kumpulan Evo Rehab dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang membawa pulang Piala Pusingan.

Johan bagi Kategori Pengurusan pula dimenangi oleh Kumpulan One Touch dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) manakala Johan bagi Kategori Teknikal ialah Kumpulan Evo Rehab apabila masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah RM6,000.

Naib Johan bagi Kategori Pengurusan ialah Kumpulan Best dari Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) sementara Kategori Teknikal dimenangi oleh Kumpulan Reka dari Universiti Malaysia Perlis (UMP) yang masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak RM4,000.

Tempat Ketiga dengan wang tunai bernilai RM2,000 dimenangi oleh Kumpulan I-Saf dari UiTM Kelantan bagi Kategori Pengurusan dan Kumpulan Strive dari UiTM Pahang untuk Kategori Teknikal.

Antara anugerah lain yang turut dipertandingkan ialah Anugerah Inovasi Harapan (One Touch) dan Anugerah Fasilitator Terbaik (I-SAF).

Headline	Aplikasikan budaya Hybrid KIK		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 Apr 2014	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	525 cm <sup>2</sup>
Journalist	FENNY SILONG	AdValue	RM 1,193
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,579



**TAHNIAH** ... Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani menyerahkan Piala Pusingan kepada Kumpulan Evo Rehab dari UKM setelah menjadi Juara Keseluruhan Pertandingan KIK IPTA Ke-10 sambil diperhatikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Prof. Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi di Kota Samarahan, malam semalam.